

# Malaysia bangkit isu keangkuhan Howard

BH 10 DEC 2002

Oleh Misiah Taib dan  
Wan Esuriyanti  
Wan Ahmad

KUALA LUMPUR, Isnin - Malaysia akan membangkitkan isu keangkuhan Perdana Menteri Australia John Howard yang ingin menyerang pengganas di beberapa negara di Asia dalam sebarang perbincangan terbuka, termasuk Forum Serantau Asean (ARF).

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata perbincangan itu perlu kerana ia membabitkan kedaulatan dan maruah negara di rantau Asia Pasifik.

Katanya, sehingga kini, Asean belum mengeluarkan pendirian bersama mengenainya tetapi beliau pasti ia sesuatu yang menjadi perhatian setiap 10 anggota Asean.

"Saya akan bercakap mengenai perkara ini pada mana-mana peluang yang ada, tetapi kita tidak

perlu menghantar pegawai kita (ke negara Asean) untuk melobi mengenainya.

"Semua orang sudah tahu yang kenyataannya tidak mengambil kira sensitiviti negara di rantau ini. Malah, reaksi rakyatnya sendiri tidak menyokong Howard kerana mereka

tahu yang Australia masih bergantung kepada hubungan di rantau Asia," katanya selepas menghadiri Rumah Terbuka Puteri Umno, di sini hari ini.

ARF akan diadakan pada Julai depan di Kemboja. Baru-baru ini, Howard menegaskan bahawa Australia akan melancarkan serangan terhadap pengganas di negara jiran di Asia sebagai tindakan awal melindungi kepentingan rakyat Australia.

Kenyataan Howard yang mendapat sokongan Amerika Syarikat itu mencetuskan pergeseran diplomatik terbaru apabila Malaysia, Indonesia, Filipina dan Thailand mengecam dan mendesak Howard menghormati kedaulatan negara lain.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Malaysia akan menganggap Australia melancarkan perang jika negara itu menceroboh negara ini tanpa kebenaran dalam mena-

ngani keganasan.

Sebelum ini, Syed Hamid berkata Malaysia akan lebih berhati-hati dalam hubungan dua halanya dengan Australia selepas mengetahui sikap sebenar Howard.

Katanya, sikap Australia yang menimbulkan tanda tanya (mengenai keikhlasan mereka) membuatkan Malaysia perlu lebih berhati-hati dalam setiap aspek hubungan dengan Australia.

Pada masa sama kerajaan masih mengkaji sama ada ingin meneruskan memorandum persefahaman (MoU) yang ditandatangani dengan Australia pada Ogos lalu dalam usaha memerangi keganasan.

Mengenai sama ada penarikan semula MoU itu akan menjejaskan hubungan diplomatik Malaysia-Australia, beliau berkata, Malaysia mempunyai hak untuk berbuat demikian kerana ia membabitkan kedaulatan negara.